

08 JUL 1997

PAMERAN PELUANG PERTUMBUHAN MODAL '97 DI PWTC

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Pameran Peluang Pertumbuhan Modal Malaysia Ketiga '97 akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 14 hingga 17 Ogos ini.

Pameran anjuran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ia diadakan bersempena perasmian bangunan baru BSKL oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 ogos.

Bertajuk "Menghadapi Cabaran Alaf Akan Datang", pameran itu setakat ini telah menarik minat penyertaan lebih 160 syarikat.

Dalam kenyataan hari ini, BSKL menyatakan satu program "sesi syarikat" juga akan dianjurkan di mana anggota pengurusan kanan akan memperkatakan tentang kegiatan serta pembangunan masa depan syarikat masing-masing.

Lebih kurang 52 syarikat telah bersetuju menyertai sesi tersebut yang membabitkan pengurus dana tempatan dan asing serta penganalisis penyelidikan. -- BERNAMA

ZMY DIN MA